



Kumpulan Perangsang untung RM114.46j

KUALA LUMPUR: Keuntungan sebelum cukai Kumpulan Perangsang Selangor Bhd bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2016, naik 98 peratus kepada RM114.46 juta berbanding RM57.28 juta pada 2015.

Peningkatan itu disumbang terutamanya daripada keuntungan direalisasi daripada aset yang dipegang untuk penjualan yang berjumlah RM91.13 juta tetapi dikurangkan oleh bahagian keuntungan rendah daripada syarikat sekutunya sebanyak RM60.21 juta.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini, kumpulan itu berkata hasil meningkat dua kali ganda kepada RM143.4 juta daripada RM71.4 juta pada tahun sebelumnya.

Hasil tinggi itu disumbang daripada pertumbuhan dalam perniagaan dagangan berkaitan air Aqua-Flo Sdn Bhd, serta perniagaan pembuatan dan pelesenan oleh Century Bond Bhd (CBB) dan KaiserCorp Corporation Sdn Bhd yang baru dimiliki, syarikat pegangan King Koil(R) Licensing Company Inc.,(King Koil(R)).

Bagi prospek mas depan, Kumpulan Perangsang akan terus memperhalusi model perniagaannya sebagai kumpulan yang menumpukan pada pertumbuhan, dengan memperkukuhkan perniagaannya yang baru dimiliki dan mengekalkan segmen sedia ada dengan mengoptimumkan struktur kosnya.

--BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/node/254379>